



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“PERAJURIT DISANJUNG, IBU PERTIWI TERULUNG”

Tarikh Dibaca :

20 ZULHIJJAH 1442H/

30 JULAI 2021M

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**“PERAJURIT DISANJUNG, IBU PERTIWI TERULUNG”****20 ZULHIJAH 1442H /30 JULAI 2021**

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ: وَكَأَيِّن مِّن تَبِيٍّ قَتَلَ مَعَهُ رَبِّيُونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُوا

لَمَّا أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا وَمَا أَسْتَكَانُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الصَّابِرِينَ ١٤٦ (آل عمران)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Bersempena dengan Hari Pahlawan yang ke-61, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“PERAJURIT DISANJUNG, IBU PERTIWI TERULUNG”**.

Khatib juga ingin berpesan kepada sidang jemaah sekalian agar sentiasa mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah SWT

agar diangkat segera wabak ini. Bagi yang telah mendaftar dan mendapat janji temu suntikan vaksin Covid-19, pastikan anda hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Manakala bagi yang belum mendaftar pula, segeralah berbuat demikian kerana ini antara ikhtiar kita untuk menyekat penularan wabak berbahaya ini di samping mencapai tahap imuniti berkelompok.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Pada tanggal 31 Julai setiap tahun, negara akan meraikan para perajurit yang telah banyak berkorban demi tanah air tercinta dengan mengadakan sambutan Hari Pahlawan. Sejarah bermula pada 31 Julai 1960, Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan sebagai Hari Pahlawan sempena tamatnya darurat pada tarikh tersebut yang mana ia merupakan platform bagi mensyukuri keamanan yang dikecapi negara sehingga membolehkan kemajuan dan pembangunan negara berjalan dengan lancar. Oleh itu, Hari Pahlawan diraikan bagi memperingati jasa dan pengorbanan pahlawan negara yang terdiri daripada warga Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain agensi keselamatan serta individu yang secara bersama mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara dari ancaman musuh yang ingin menghuru-harakan kemakmuran dan kestabilan negara. Ia merupakan suatu tugas yang sungguh mulia dan merupakan tuntutan syariah dalam menegakkan agama Allah SWT di muka bumi ini.

Simboliknya pahlawan merupakan orang yang gagah dan berani, pejuang yang gagah dan perwira yang ditakuti. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT menerusi Surah ali-Imran ayat 146 yang bermaksud: *“Dan berapa banyak dari Nabi-nabi (dahulu) telah berperang dengan disertai oleh ramai orang-orang yang taat kepada Allah, maka mereka tidak berasa lemah semangat akan apa yang telah menimpa mereka pada jalan (agama) Allah dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula mahu tunduk (kepada musuh). dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar”*.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Dalam Islam, memperingati jasa dan pengorbanan para perajurit yang mempertahankan agama dan tanah air dari dijajah sehingga mengorbankan nyawa dan darah tidak seharusnya dipandang enteng. Bahkan Islam amat menyanjung tinggi jasa para perajurit

yang mempertahankan negara tanpa didasari sifat kebendaan dan keuntungan dunia, tetapi berjuang demi mencapai keredhaan dan mendapat ganjaran Allah SWT semata. Dalam sebuah hadis Qudsi yang direkodkan oleh Imam al-Suyuti rahimahullah bahawa Nabi SAW bersabda:

قَالَ اللهُ تَعَالَى : أَيُّمَا عَبْدٍ مِنْ عِبَادِي يَخْرُجُ مُجَاهِدًا فِي سَبِيلِي، ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِي ضَمَنْتُ لَهُ
أَنْ أَرْجِعَهُ إِنْ رَجَعَتْهُ بِمَا أَصَابَ مِنْ أَجْرٍ أَوْ غَنِيمَةٍ، وَإِنْ قَبِضْتَهُ أَنْ أَعْفِرَ لَهُ وَأَرْحَمَهُ
وَأَدْخِلَهُ الْجَنَّةَ

Maksudnya: “Mana-mana hamba-Ku yang menunaikan jihad pada jalan-Ku kerana mengharap dan mencari keredhaan-Ku, Aku jamin untuk mengembalikannya (jika ia Ku-kembalikan) dengan segala apa yang didapatinya berupa pahala atau harta rampasan. Dan jika ia Aku matikan, ia akan Aku ampuni, Ku-beri rahmah dan akan Aku masukkan ke dalam Syurga”.

Antara cara terbaik untuk menghargai sumbangan pahlawan ialah, kita wajib menjaga dan mempertahankan kemerdekaan yang sedia ada. Tidak dinafikan, kita sudah merdeka tetapi harus diingat! Merdeka sekali tidak bermakna kita akan merdeka selama-lamanya. Sedarilah! Andai kita leka, lalai mahupun terlalu selesa pasti akan ada pihak yang mengambil kesempatan dan cuba untuk kembali menjajah negara ini dalam pelbagai aspek. Ingat! Penjajahan hari ini bukan berlaku dalam bentuk fizikal atau melalui peperangan semata-mata, sebaliknya yang membimbangkan ialah berlakunya penjajahan moden terhadap minda dan pemikiran rakyat terutamanya golongan muda.

Maka seharusnya menjadi tanggungjawab seluruh rakyat Malaysia untuk terus memperingati segala sumbangan pahlawan negara dan sentiasa menginsafi detik kesengsaraan yang telah dilalui oleh generasi terdahulu supaya kita tidak leka dan terus mempertahankan negara dan rakyat dari segala jenis penjajahan moden. Sebagai tanda penghargaan negara dan juga rakyat Malaysia kepada para perajurit tanah air, sambutan

Hari Pahlawan ini perlu terus diangkat sebagai detik keramat untuk dijadikan iktibar dan pengajaran yang cukup penting dalam lipatan sejarah ini.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang masih dilaksanakan sehingga ke hari ini, khatib juga ingin menyampaikan sekalung penghargaan dan tahniah buat para petugas barisan hadapan yang tidak kenal erti penat lelah serta sanggup berkorban masa dan tenaga dalam memerangi pandemik Covid-19 ini. Segala usaha gigih semua petugas barisan hadapan dalam mendepani penularan wabak Covid-19 di negara ini wajar dipuji dan dihargai. Mereka bukan sahaja sanggup mempertaruhkan nyawa demi memikul amanah yang diberi, malah semua barisan hadapan juga komited dalam melaksanakan tugas mereka hanya untuk memastikan keselamatan dan kesihatan setiap penduduk terjaga sejak dari awal negara diserang wabak berbahaya itu. Sebagai tanda sanjungan dan penghargaan kepada para petugas barisan hadapan yang sedang giat memerangi kemelut wabak ini, hayatilah sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Hakim dan Imam al-Baihaqi bahawa Nabi SAW telah bersabda:

أَلَا أَنْبِئُكُمْ بِلَيْلَةٍ أَفْضَلُ مِنْ لَيْلَةِ الْقَدْرِ؟ حَارِسُ الْحَرَسِ فِي أَرْضٍ خَوْفٍ لَعَلَّهْ أَلَّا يَرْجِعَ
إِلَى أَهْلِهِ

Maksudnya: “Mahukah Aku ceritakan kepada kamu tentang satu malam yang lebih utama daripada malam al-Qadar? Iaitu malam yang dilalui oleh seseorang yang berkawal di suatu tempat yang menakutkan (kerana menjaga keamanan dan keselamatan) yang mungkin (jika berlaku sesuatu tidak baik) dia tidak dapat kembali lagi kepada keluarganya”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, kesimpulan yang dapat diambil sebagai pengajaran buat kita semua iaitu;

Pertama: 31 Julai setiap tahun ditetapkan Hari Pahlawan sebagai tanda penghargaan jasa dan pengorbanan perajurit Negara.

Kedua: Hari Pahlawan merupakan platform bagi mensyukuri keamanan yang dikecapi negara sehingga membolehkan kemajuan dan pembangunan negara berjalan dengan lancar.

Ketiga: Cara terbaik untuk menghargai sumbangan pahlawan ialah kita wajib menjaga dan mempertahankan kemerdekaan yang sedia ada.

Renungkan firman Allah SWT dalam Surah al-Anfaal ayat 60:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ ۚ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ

وَعَاخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

يُوفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ۖ

Maksudnya: “Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiayai”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي

وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا مُوَلِيَا سِرِي قَدُوكِ بِكَيْنِدَا يَغِ دَفَرْتَوَانِ اكَوْغِ، السُّلْطَانَ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي بِيغِ مَهَا مُوَلِيَا سِرِي قُدُوكِ بِكِينِدَا رَاكِجِ قُرْمَايسُورِي اِكُوغِ،
تُونُكُو (Tunku) حَاكِجِه عَزِيْزَةٌ اَمِيْنَةٌ مِيْمُوْنَةٌ اِسْكَندَرِيَّةٌ بِنْتُ الْمَرْحُوْمِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَيَّ
اللّٰهُ سُلْطَانِ اِسْكَندَرَ الْحَاكِجِ.

اللّٰهُمَّ اَحْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَّآلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا اَمِيْنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَاِيْمَانٍ، وَاَمْنٍ وَاَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ وَاَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّيْنَ،
وَاخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَاَعْلِيْ كَلِمَتِكَ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ .

اللّٰهُمَّ اِدْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، اِنَّكَ عَلَيَّ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ .
اللّٰهُمَّ اِنَّا نَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُوْنِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْاَسْقَامِ، يَا اَرْحَمَ
الرَّاحِمِيْنَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا اٰتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
عِبَادَ اللّٰهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ .
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .